

UMS tandatangani perjanjian dengan dua syarikat penternakan

UM 18-9-2013 06

KOTA KINABALU 17 Sept. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus melangkah ke hadapan dalam penghasilan penyelidikan apabila menandatangani perjanjian pra-pengkomersialan produk penyelidikan dengan dua syarikat penternakan ayam termasuk dari Brunei.

Perjanjian yang dibuat dengan Syarikat Mukti Bina Sdn. Bhd. dan Maya B. Farm dari Brunei itu bertujuan mengkomersialkan produk dihasilkan oleh UMS iaitu A-Yamli yang merupakan makanan tambahan ternakan dihasilkan daripada ekstrak

tumbuhan tongkat Ali.

Pada majlis itu, UMS diwakili oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk. Dr. Mohd. Harun Abdullah dan Timbalan Naib Canselor UMS (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Shahril Yusof manakala Mukti Bina diwakili oleh Pengurusnya, Tsabbit Aqdamana Abd. Mukti dan Maya B. Farm diwakili oleh Pengiran Isa Pengiran Aliuddin.

Majlis yang diadakan di Dewan Kuliah C, UMS itu disaksikan Pembantu Menteri Pelancongan, Kebuda-



FELIX TONGKUL

yaan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Kamarlin Ombi dan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof. Dr. Felix Tongkul.

Felix berkata, melalui perjanjian itu syarikat terbabit akan menggunakan makanan tambahan yang dihasilkan daripada tongkat ali oleh pensyarah UMS, Awang Ahmad Awang Yunus di ladang penternakan ayam mereka.

“Melalui perjanjian ini syarikat terbabit menjalankan ujian kesesuaian peringkat ladang ma-

sing-masing dengan kapasiti pengeluaran 30,000 hingga 150,000 ekor ayam pada setiap pusingan.

“Berdasarkan maklumat awal pengurusan syarikat terlibat yakin dengan maklum balas pasaran berdasarkan ujian awal dan maklum balas para pengguna yang mendapati kelebihan daging ayam yang diberikan makanan tambahan berasaskan tongkat ali berkenaan,” katanya di sini baru-baru ini.

Tambah Felix, ternakan ayam yang diberikan produk ekstrak tongkat ali menunjukkan kelebihan dari

segi tekstur, bau, ketahanan dan kandungan lemak yang rendah.

Malah katanya, produktiviti ladang menunjukkan peningkatan dengan kadar kematian yang rendah, penjimatan kos vaksin, peningkatan berat dan kualiti serta ketahanan terhadap serangan penyakit, selain kadar tumbesaran yang lebih cepat.

Tambahnya, kos dan kaedah pengendalian serta perawatan sisa buangan ladang melalui kaedah tersebut juga menampakkan kelebihan berbanding kaedah konvensional.